




**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
 Blok C1 - C3, Kompleks C  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62510 W.P. PUTRAJAYA  
 MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
 Faks (Fax): 603-88892181  
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BPO(S) 324/14/28 Jld. 5 (12)  
 Tarikh : 5 Januari 2018

YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris,  
 Setiausaha,  
 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia,  
 Aras 1-4, Blok B3,  
 Kompleks Jabatan Perdana Menteri,  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62526 PUTRAJAYA.**



YBhg. Datuk,

**KELAYAKAN IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL  
 DARIPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)  
 BAGI TUJUAN LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN  
 PENDIDIKAN GRED DG41**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Surat YBhg. Datuk rujukan SPP.600-3/5/7(23) bertarikh 21 Julai 2016 dan SPP.600-3/5/7 (31) bertarikh 24 Ogos 2016 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Datuk sedia maklum, Jabatan ini melalui surat rujukan JPA(L)S.130/4/23 (42) bertarikh 25 Mac 2004 telah menjelaskan bahawa Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional dari Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (kini UTHM) merupakan satu kelayakan ikhtisas bagi tujuan pelantikan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41. Walau bagaimanapun, calon dengan kelayakan tersebut juga perlu memiliki ijazah pertama yang diiktiraf oleh Kerajaan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1987.

3. Pada tahun 2013, pihak UTHM telah mengemukakan permohonan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk menilai taraf semula kelayakan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kelayakan ini telah disemak semula oleh pihak MQA dan dinilai setaraf dengan kelayakan ijazah sarjana (MQF tahap 7) dengan *NEC Code* 142 (education science) mulai 4 Jun 2013.

4. Melalui pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 40 Tahun 2013 (PP 40/2013), skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) telah

digabungkan menjadi satu skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 dengan diperuntukkan syarat lantikan baharu di peringkat ijazah sarjana/ijazah doktor falsafah (PhD) serta memiliki Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

5. Oleh yang demikian, setelah dikaji oleh Jabatan ini dan mengambil kira maklum balas yang diterima dari pihak Kementerian Pendidikan bahawa komponen ikhtisas pendidikan telahpun terangkum dalam kelayakan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional daripada UTHM, sukacita dimaklumkan bahawa:

- a) calon yang memiliki kelayakan tersebut **boleh dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 tanpa memiliki Diploma Pendidikan dengan gaji permulaan diberikan pada peringkat ijazah sarjana serta Diploma Pendidikan iaitu RM2,902.98;** dan
- b) tarikh kuat kuasa adalah mulai 1 Januari 2014 iaitu mulai dari tarikh kuat kuasa PP40/2013.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
(AZHAR BIN AZIZ)

Bahagian Pembangunan Organisasi  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Tel. : 03-88854007

E-mel. : [azhar.aziz@jpa.gov.my](mailto:azhar.aziz@jpa.gov.my)


s.k:


Dekan,  
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat,  
**JOHOR.**

(u.p: Prof. Madya Dr. Badaruddin bin Ibrahim)

S.k. =

TDAA, KJs

  
16/1/18

  
Prof. Dr. W. MOHD RASHID BIN WAHMAD  
Dekan  
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
CAD